

03 OCT 1996

S46-harapan

UMNO KELANTAN LETAK HARAPAN TINGGI PENYATUAN UMNO-S46

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Pembubaran Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan penyertaan pemimpin serta anggotanya ke dalam Umno tidak lama lagi sudah pasti meninggalkan kesan yang positif kepada perpaduan dan keunggulan politik orang Melayu, demikian pendapat kebanyakan pemimpin Umno Kelantan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad berkata, UMNO sememangnya menaruh harapan yang tinggi kepada penyatuan anggota kedua-dua parti itu.

"Kita berharap agar dengan penyatuan ini akan memberi satu nafas baru kepada UMNO, khususnya dalam konteks negeri Kelantan yang kini dikuasai oleh Pas," katanya ketika ditemui sempena Perhimpunan Penyatuan Melayu anjuran bersama UMNO-S46 di sini hari ini.

S46 dijangka akan dibubarkan selepas perhimpunan agung khas parti itu 6 Okt ini. Ia akan disusuli dengan kemasukan beramai-ramai pemimpin dan anggota parti itu ke dalam UMNO.

Mustapa yang juga Ketua UMNO Bahagian Jeli berharap segala usaha membawa pembangunan ke Kelantan akan dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan berkesan lagi dengan penyatuan pengikut kedua-dua parti itu.

"Harapan kita segala usaha ke arah penyatuan itu akan membuahkan hasil yang positif dan tidak dipersia-siakan oleh mana-mana pihak kerana matlamat kita ialah untuk merebut kembali pemerintahan di negeri Kelantan," ujar beliau.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Melor Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir pula berkata, penyatuan S46-UMNO tepat pada masanya dan memenuhi tuntutan Islam.

Zainal Abidin yang juga Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan berharap penyatuan itu akan dijadikan iktibar oleh Pas untuk sama-sama menyertai sebuah harakah yang besar iaitu UMNO demi masa depan orang Melayu dan umat Islam.

Ketua Penerangan UMNO negeri Datuk Haji Ibrahim Ali pula yakin penyatuan itu akan membuka ruang yang lebih luas untuk UMNO bergerak dengan lebih berkesan dan seterusnya merampas teraju pemerintahan di Kelantan.

Ketua Perhubungan S46 negeri Datuk Haji Rozali Isohak pula menyanjungi keikhlasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sanggup menerima semula pemimpin dan anggota S46 ke dalam UMNO.

Rozali yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan berkata, saranan Dr Mahathir agar Pas turut bersama dalam penyatuan itu amat tepat dan perlu difikir sebaik-baiknya serta melupakan pemikiran ortodok yang mereka dokongi sekarang.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia Tan Sri Hussein Ahmad yakin jika semua pihak bersikap ikhlas, UMNO akan dapat berkuasa semula di negeri ini dalam jangka masa yang singkat hasil penyatuan itu. -- BERNAMA

SZ OBA